

DR. AHMAD SANUSI AZMI



HADIS

tentang WABAK PENYAKIT

40 HADIS

tentang WABAK PENYAKIT

DR. AHMAD SANUSI AZMI

40 HADIS TENTANG WABAK PENYAKIT

Diterbitkan oleh



ULUM HADIS RESEARCH CENTRE

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan

emel: ulumhadisresearchcentre@gmail.com

© 2020, Ahmad Sanusi Azmi

ISBN: 978-967-15044-8-2



Hak cipta dipelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Design kulit muka dihasilkan oleh:

MUHAMMAD DANIAL BIN SALAHUDIN

KANDUNGAN

NO	TAJUK	
	Muqaddimah: Kaedah Penulisan Hadis	1
	Mengapa Kumpul 40 Hadis?	2
HADIS 1	Wabak Itu Adalah Rahmat Buat Mukmin	7
HADIS 2	Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Ta'un	9
HADIS 3	Luka Pesakit Ta'un Seperti Luka Seorang Syahid	11
HADIS 4	Pahala Syahid Buat Mereka Yang Ditimpa Wabak Ta'un	13
HADIS 5	Punca Penyebaran Wabak Penyakit	14
HADIS 6	Allah Memuji Penyelamat Nyawa	16
HADIS 7	Pujian Rasulullah SAW Buat Petugas Keselamatan	18
HADIS 8	Kawalan Pergerakan Ketika Wabak Ta'un	20
HADIS 9	Menjauhi Penyakit Berjangkit	22
HADIS 10	Tindakan Kuarantin Buat Mereka Yang Ditimpa Sakit	23
HADIS 11	Larangan Memberikan Mudarat Kepada Orang Lain	24
HADIS 12	Tawakal Yang Salah	26
HADIS 13	Prinsip Tawakal Yang Sebenar	28
HADIS 14	Membantu Memberikan Rawatan Kepada Pesakit	29
HADIS 15	Kesusahan Menghapuskan Dosa Muslim	31
HADIS 16	Pahala Buat Mereka Yang Ditimpa Sakit	33
HADIS 17	Galakan Mengambil Rawatan	35
HADIS 18	Kelonggaran Dalam Urusan Solat Berjemaah	37
HADIS 19	Keringanan Dalam Melaksanakan Solat Jumaat	39
HADIS 20	Kelonggaran Dalam Kaedah Menunaikan Solat	41

HADIS 21	Keringanan Menunaikan Solat Secara Jamak	43
HADIS 22	Suami Membantu Kerja Rumah	45
HADIS 23	Berbuat Baik Pada Keluarga	47
HADIS 24	Berbuat Baik Kepada Jiran	48
HADIS 25	Membantu Sesama Muslim	49
HADIS 26	Keutamaan Bersedekah	50
HADIS 27	Larangan Menyebarkan Berita Palsu	52
HADIS 28	Larangan Menafsirkan Nas Al-Quran Secara Salah	54
HADIS 29	Kesusahan Mengajak Kita Bermuhasabah	56
HADIS 30	Mentaati Perintah Pemimpin	58
HADIS 31	Menyerahkan Urusan Kepada Yang Pakar	59
HADIS 32	Menjauhi Doktor Jadian	61
HADIS 33	Larangan Menyorokkan Barang Dagangan	63
HADIS 34	Menghidupkan Rumah Dengan Aktiviti Solat Jemaah	65
HADIS 35	Sekiranya Kita Jaga Hak Allah, Allah Jaga Hak Kita	67
HADIS 36	Kembali Kepada Allah	68
HADIS 37	Zikir Mengelakkan Bala	70
HADIS 38	Doa Memohon Perlindungan Dari Wabak Penyakit	72
HADIS 39	Doa Menghindarkan Diri Dari Kemudaratan	73
HADIS 40	Doa Memohon Keselamatan Dan Kesejahteraan	74



﴿وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَاهُم بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ﴾

﴿فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا وَلَكِنْ قَسَتْ قُلُوبُهُمْ﴾

"Dan demi sesungguhnya Kami telah utuskan Rasul kepada umat yang dahulu, maka Kami uji mereka dengan kebuluran dan penyakit, supaya mereka berdoa (kepada Kami) dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat). Maka alangkah baiknya andai mereka berdoa kepada Kami dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat) ketika mereka ditimpa azab Kami? Tetapi yang sebenarnya hati mereka keras."

(Surah al-An'am:42)



MUQADDIMAH: KAEDAH PENULISAN

Segala puji bagi Allah dengan segala rahmatNya karya ini berjaya dihasilkan. Buku kecil ini mengandungi 40 hadis yang dilihat mempunyai pengajaran berkaitan dengan penyebaran wabak penyakit yang berlaku pada hari ini. Secara umumnya, hadis-hadis ini ditulis berdasarkan *matan* daripada kitab yang asal. Pun begitu terdapat juga hadis yang diambil daripada sebahagian lafaznya sahaja. Ini bertujuan meringkaskan penulisan, disamping memberikan fokus kepada isi kandungan yang diambil.

Dari aspek sanadnya pula, penulis hanya menukilkan perawi yang tertinggi (*rawi al-a'la*) sahaja, manakala nama-nama perawi yang lain dalam rantaian sanad telah ditinggalkan. Sumber hadis dinyatakan dibahagian terjemahan. Hadis yang dinukilkan daripada Sahih al-Bukhari dan Muslim tidak dinyatakan kedudukan hadis tersebut memandangkan kita telahpun menerimanya sebagai hadis sahih. Manakala hadis yang dinukil daripada selain dua kitab tersebut akan dinyatakan sumber serta status hadis tersebut.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Zulhilmi Mohamed Nor serta Dr. Mohd Yusuf Ismail (dimana keduanya mempunyai kepakaran dalam bidang hadis) atas kesudian mereka membaca dan menyemak karya ini.

DR. AHMAD SANUSI AZMI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
1 RAMADAN 1441 / 24 APRIL 2020

MENGAPA KUMPUL 40 HADIS?

Barangkali ada yang bertanya, mengapa dikumpul 40 hadis sahaja? Pada hakikatnya, tradisi mengumpulkan 40 hadis ini dimulakan oleh sarjana hadis silam. Usaha ini adalah berpandukan hadis Rasulullah SAW yang menyebutkan:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا
مِنْ أَمْرِ دِينِهِ بَعَثَهُ اللَّهُ فَقِيهًا، وَكُنْتُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَافِعًا وَشَهِيدًا

Daripada Abu al-Darda' RA, Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang memelihara buat umatku 40 hadis daripada urusan agamanya, maka dia akan dibangkitkan di hari kiamat oleh Allah sebagai orang yang faqih. Dan aku akan memberikan buat dirinya syafaat dan penyaksian di hari akhirat kelak." (al-Baihaqi, Syu'ab al-Iman - Hadis Daif)

Menurut al-Imam al-Nawawi, para ulama hadis telah bersepakat bahawa hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif. Namun mereka masih mengamalkan hadis ini sebagai galakan untuk mereka melakukan amalan (*fadail amal*) kebaikan dalam mengumpulkan hadis.

Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam al-Mu'allimi menjelaskan bahawa: "Memang benar, hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif, namun para sarjana hadis tidak menafikan bahawa usaha menghimpun

dan memelihara hadis adalah antara amalan kebaikan yang mempunyai kedudukan yang tinggi.” (Tahqiq al-Kalam)

Menurut Abu Tahir al-Silafi, sarjana hadis yang terawal dalam menghasilkan karya Hadis 40 adalah al-Imam Abdullah ibn Mubarak. Tradisi ini diteruskan lagi oleh sarjana hadis yang ulung seperti al-Imam al-Daraqutni, al-Hakim, Ibn Asakir dan al-Zahabi. Dan di antara karya yang paling ulung dalam mengumpulkan 40 hadis adalah karya al-Imam al-Nawawi yang terkenal sehingga hari ini.



﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ
وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Dan Kami turunkan dari **al-Quran** itu (ayat-ayat suci) yang menjadi **ubat penawar dan rahmat** bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

(Surah al-Isra': 82)





Buat Mak dan Ayah yang membesarkan

Haji Azmi Abdul Manap

Hajah Rokiah Abdul Wahid



HADIS 1: WABAK ITU ADALAH RAHMAT BUAT MUKMIN

عن عائشة أم المؤمنين، قالت: سألت رسول الله ﷺ عن الطاعون، فأخبرني أنه عذابٌ يبعثه الله على من يشاء، وأن الله جعله رحمةً للمؤمنين، ليس من أحدٍ يقع الطاعون، فيمكث في بلده صابراً محتسباً، يعلم أنه لا يصيبه إلا ما كتب الله له، إلا كان له مثل أجر شهيدٍ.

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, beliau berkata: Aku bertanya Rasulullah SAW tentang wabak Ta'un. Lalu Rasulullah memberitahuku bahawa ia adalah azab yang diutuskan oleh Allah kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah menjadikannya sebagai Rahmat buat orang-orang yang beriman. Tidak ada seorang pun yang ditimpa wabak Ta'un ini sedangkan dia duduk di dalam negeri tempatnya dengan penuh kesabaran dan bermuhasabah, dan dia faham bahawa tiada sesuatu yang menimpanya melainkan semuanya telah ditentukan oleh Allah, melainkan dia akan mendapat pahala seperti pahala syahid. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa ujian penularan wabak penyakit adalah azab buat manusia. Namun di sisi Muslim, ia boleh

dianggap sebagai rahmat buat mereka yang menghadapinya dengan penuh muhasabah dan kesabaran.

Menurut al-Imam Ibn Hajar, hadis ini menekankan dari aspek disiplin seorang Muslim dalam menghadapi suasana wabak. Muslim seharusnya mengimani bahawa wabak yang melanda ini adalah ketentuan dari Allah, mereka seharusnya mampu mengawal diri mereka di rumah, bersabar atas segala ujian yang menimpa mereka serta meyakini bahawa tidak ada sesuatu pun yang berlaku melainkan atas ketentuan Allah. Andai sekiranya semua ciri-ciri ini dimiliki oleh seorang Muslim, maka beliau berhak mendapat ganjaran seperti pahala syahid, seperti yang disebutkan di dalam hadis.

HADIS 2: APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN TA'UN?

حَدَّثَنَا مُعَاذَةُ بِنْتُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَدَوِيَّةُ، قَالَتْ: دَخَلْتُ عَلَى عَائِشَةَ،
فَقَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَا تَفْنَى أُمَّتِي إِلَّا بِالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ " قُلْتُ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا الطَّعْنُ قَدْ عَرَفْنَاهُ، فَمَا الطَّاعُونَ؟ قَالَ: " غُدَّةٌ كَغُدَّةِ
الْبَعِيرِ، الْمُقِيمُ بِهَا كَالشَّهِيدِ، وَالْفَارُّ مِنْهَا كَالْفَارِّ مِنَ الرَّحْفِ.

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Mu'azah binti Abdullah al-Adawiyah, dia berkata bahawa aku berada bersama dengan Aisyah RA maka beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidak akan binasa umat aku melainkan dengan tikaman dan Ta'un. Lalu aku berkata: Wahai Rasulullah, kami tahu apa itu tikaman (ditikam pedang/berperang), namun apakah itu Ta'un? Lalu Rasulullah SAW bersabda: Ta'un ialah kelenjar (benjolan) seperti kelenjar unta. Mereka yang kekal (di rumah ketika wabak itu wujud) adalah seperti syahid, dan mereka yang lari daripadanya adalah seperti lari dari medan perang." (Musnad Ahmad-Isnadnya Sahih)

Ulasan: Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa sebahagian sahabat RA sendiri tidak mengetahui tentang sifat Ta'un. Lalu Rasulullah SAW menjelaskan bahawa ia adalah wabak penyakit seperti pembengkakan

kelenjar yang amat menyakitkan. Ketika menghuraikan tentang Ta'un, al-Imam al-Nawawi menjelaskan:

قروح تخرج في الجسد فتكون في الآباط أو المرافق أو الأيدي أو الأصابع وسائر البدن،
ويكون معه ورم وألم شديد

Ia adalah luka bernanah yang keluar dari tubuh manusia, sama ada di ketiak, siku (pelipat), tangan-tangan atau pada jari-jari dan seluruh anggota badan. Penyakit ini disertai dengan ketumbuhan/bengkak dan kesakitan yang amat sangat. (Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi). Bahkan dalam sebuah hadis yang lain menyebutkan bahawa daging mereka yang terkena penyakit ini dikatakan terlerai. Ta'un adalah sejenis wabak penyakit yang membunuh.

HADIS 3: LUKA PESAKIT TA'UN SEPERTI LUKA SEORANG SYAHID

عَنْ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "يَخْتَصِمُ الشُّهَدَاءُ
وَالْمُتَوَفَّوْنَ عَلَى فُرُشِهِمْ إِلَى رَبِّنَا فِي الَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنَ الطَّاعُونَ، فَيَقُولُ
الشُّهَدَاءُ: إِخْوَانُنَا قُتِلُوا كَمَا قُتِلْنَا، وَيَقُولُ الْمُتَوَفَّوْنَ عَلَى فُرُشِهِمْ:
إِخْوَانُنَا مَاتُوا عَلَى فُرُشِهِمْ كَمَا مِتْنَا، فَيَقُولُ رَبَّنَا: انْظُرُوا إِلَى جِرَاحِهِمْ،
فَإِنْ أَشَبَّهَ جِرَاحُهُمْ جِرَاحَ الْمَقْتُولِينَ، فَأَيُّهُمْ مِنْهُمْ وَمَعَهُمْ، فَإِذَا جِرَاحُهُمْ
قَدْ أَشَبَّهَتْ جِرَاحَهُمْ".

Maksudnya: Daripada al-'Irbadh bin Sariyah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Para syuhada' dan mereka yang meninggal di atas katil akan berselisih faham dan mengadu pada Tuhan kita di akhirat nanti tentang (status) mereka yang meninggal disebabkan oleh Ta'un. Maka para syuhada' berkata: Saudara kami (yang ditimpa Ta'un ini) (terbunuh seperti kami terbunuh). Kemudian mereka yang meninggal di atas katil berkata: Saudara kami (yang ditimpa Ta'un ini) meninggal seperti kami sahaja (iaitu di atas katil). Lalu Allah berkata: Lihatlah pada luka-luka mereka (yang ditimpa Ta'un ini). Sekiranya luka mereka seperti orang yang mati syahid maka mereka bersama dengan orang yang mati syahid. Lalu apabila dilihat pada luka mereka, (maka ia) seakan sama (dengan yang mati syahid). (Sunan al-Nasa'i – dinilai Hasan oleh Ibn Hajar)

Ulasan: Hadis ini menggambarkan kepada kita bahawa mereka yang ditimpa penyakit Ta'un itu mempunyai luka yang amat menyakitkan. Sehingga boleh disamakan dengan luka-luka mereka yang pergi berjihad. Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam al-Sindi berkata:

ولعلها تشبه في أنها تسيل دماً لونه لون الدم، وريحه ریح المسك

Barangkali yang menjadi punca persamaan adalah disebabkan kerana darah yang mengalir dari pesakit ini sama seperti mengalirnya darah syahid. Namun baunya adalah bau seperti Kasturi. (Hasyiah al-Sindi 'Ala al-Musnad).

HADIS 4: PAHALA SYAHID BUAT MEREKA YANG DITIMPA WABAK TA'UN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: الشُّهَدَاءُ خَمْسَةٌ: الْمَطْعُونُ، وَالْمَبْطُونُ، وَالْغَرَقُ، وَصَاحِبُ الْهَدْمِ، وَالشَّهِيدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Terdapat lima jenis kematian yang dianggap syahid: iaitu orang yang mati kerana ta'un, mati kerana penyakit berkaitan perut, mati lemas, ditimpa runtuh dan syahid di jalan Allah." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: al-Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa, kelima-lima jenis kematian ini dianggap sebagai syahid kerana mereka menghadapi maut tidak seperti manusia biasa. Seksaan yang mereka lalui lebih dari yang lain. Dengan itu mereka digelar sebagai syahid akhirat.

Manakala al-Imam Ibn al-Tin menyampaikan pandangan yang hampir sama. Kematian yang berat sebegini adalah penyuci dosa mereka, menambah ganjaran buat mereka lalu Allah SWT mengangkat kedudukan mereka sebagai syahid.

HADIS 5: PUNCA PENYEBARAN WABAK PENYAKIT

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ: أَقْبَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَقَالَ: "يَا
مَعْشَرَ الْمُهَاجِرِينَ خَمْسٌ إِذَا ابْتُلِيتُمْ بِهِنَّ، وَأَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ تُدْرِكُوهُنَّ: لَمْ
تَظْهَرِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ، حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا، إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونُ،
وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا..."

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar RA, berkata bahawa Rasulullah SAW menghadap kepada kami dan bersabda: Wahai sekalian Muhajirin, ada lima perkara yang sekiranya kamu diuji dengannya dan aku memohon perlindungan dengan Allah agar kamu tidak berjumpa dengan ujian ini iaitu: Tidak akan terzhahir sesuatu kejahatan sesuatu kaum sehinggalah mereka menzahirkannya (melakukan kejahatan maksiat secara terang-terangan) melainkan akan tersebar kepada mereka wabak penyakit Ta'un, dan penyakit-penyakit yang tidak pernah datang kepada umat terdahulu... (Sunan Ibn Majah – Hadis Hasan)

Ulasan: Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa Rasulullah SAW telah memberi peringatan kepada para sahabat bahawa umat ini akan diuji. Rasulullah SAW lalu memohon kepada Allah agar para sahabat RA tidak ditimpa dengan ujian ini. Salah satu ujian yang akan diberikan kepada umat ini adalah kemunculan wabak-wabak serta penyakit-penyakit baharu yang

tidak pernah berlaku kepada umat terdahulu. Wabak penyakit ini datang adalah disebabkan kerana maksiat serta kerosakan yang dilakukan oleh manusia sendiri secara terang-terangan. Disebabkan terlalu banyak kerosakan, maksiat serta kemungkaran yang dilakukan oleh manusia, Allah datangkan satu penyakit yang tidak pernah wujud sebelum ini.

Ini hanyalah bahagian pertama daripada hadis yang panjang. Empat lagi kerosakan yang dilakukan oleh manusia yang menyebabkan Allah menimpakan bala kepada mereka ialah: mereka menipu timbangan, mereka tidak menunaikan zakat, mereka melanggar janji kepada Allah dan Rasul serta mereka tidak menjadikan al-Quran sebagai sumber hukum.

HADIS 6: ALLAH SWT MEMUJI PENYELAMAT NYAWA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: " بَيْنَا رَجُلٌ
يَمْشِي، فَاشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ، فَنَزَلَ بِئْرًا، فَشَرِبَ مِنْهَا، ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا
هُوَ بِكَلْبٍ يَلْهَثُ يَأْكُلُ الثَّرَى مِنَ الْعَطَشِ، فَقَالَ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا مِثْلُ
الَّذِي بَلَغَ بِي، فَمَلَأَ خُفَّهُ، ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِفِيهِ، ثُمَّ رَقِيَ، فَسَقَى الْكَلْبَ،
فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَغَفَرَ لَهُ "، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّ لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا؟
قَالَ: «فِي كُلِّ كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Ketika seorang lelaki berjalan, dia merasa sangat dahaga. Lalu dia masuk ke dalam sebuah perigi dan meminum air daripadanya. Kemudian dia keluar dari perigi itu. Tiba-tiba dia terlihat seekor anjing sedang menjelir-jelir dan menjilat tanah kerana dahaga. Lalu dia berkata: Anjing ini telah merasai apa yang telah aku rasai sebentar tadi. Lalu dia turun ke dalam perigi dan memenuhkan air di dalam kasutnya (stokin kulitnya/khuf), kemudian dia memegangnya (menggigit khuf) dengan mulutnya dan memanjat semula. Lantas dia memberi anjing tersebut minum. Allah berterima kasih kepada lelaki tersebut dan mengampuninya.

Para sahabat RA berkata: Wahai Rasulullah, sekiranya kami berbuat baik kepada haiwan, adakah kami akan mendapat balasan kebaikan? Rasulullah SAW bersabda: "Pada setiap hati yang basah (hidup), pastinya mendapat pahala." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Dalam menghuraikan hadith ini, Menteri Agama Mesir (Wazir al-Auqaf) Dr. Muhammad Mukhtar Jum'ah menjelaskan: "Bayangkan andai sekiranya menyelamatkan nyawa binatang sahaja pun telah diampunkan dosa, dipuji oleh Allah dan dianugerahkan syurga, apatah lagi pahala mereka yang menyelamatkan nyawa manusia." Maka beruntunglah petugas barisan hadapan (petugas kesihatan dan keselamatan)!

HADIS 7: PUJIAN RASULULLAH SAW BUAT PETUGAS KESELAMATAN

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
«أَلَا أُنبِّئُكُمْ بَلَيْلَةٍ أَفْضَلُ مِنْ لَيْلَةِ الْقَدْرِ؟ حَارِسٌ حَرَسَ فِي أَرْضِ خَوْفٍ،
لَعَلَّهُ أَنْ لَا يَرْجِعَ إِلَى أَهْلِهِ»

Maksudnya: Daripada Abdullah ibn Umar RA, sesungguhnya Nabi SAW pernah bertanya: "Hendakkah kamu aku khabarkan tentang satu malam yang lebih baik dari Lailatul Qadar? (lailatul malam) seorang lelaki yang berkawal di kawasan yang menakutkan dan berkemungkinan dia tidak mampu pulang ke pangkuan keluarganya." (Mustadrak al-Hakim – menurut al-Hakim hadis ini adalah sahih berdasarkan syarat al-Bukhari)

Ulasan: Perhatikan di sini bagaimana Rasulullah SAW memuji mereka yang menjaga keselamatan tanahair dalam keadaan ummah sedang dilanda kebimbangan dan ketakutan. Malah Rasulullah SAW membayangkan kepada kita bahawa ganjaran yang diperolehi lebih besar dari malam Lailatul Qadar. Hadis ini turut menjelaskan kepada kita bahawa keperluan rakyat itu lebih utama daripada amalan ibadah yang merupakan keperluan peribadi. Dengan sebab itu Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang lain:

وَلَأَنْ أَمْشِيَ مَعَ أَخِي فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ (يَعْنِي
مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ) شَهْرًا

"Aku lebih suka untuk berjalan bersama saudaraku yang memerlukan (sesuatu keperluan) daripada aku beriktikaf bersendirian selama sebulan di Masjid ini (iaitu Masjid Nabawi). (HR al-Tabrani)

HADIS 8: KAWALAN PERGERAKAN KETIKA WABAK TA'UN

أُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ يُحَدِّثُ سَعْدًا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ:
«إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا
فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا»

Maksudnya: Saidina Usamah bin Zaid RA pernah menceritakan kepada Sa'd, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sekiranya kamu mendengar tentang (penyebaran) wabak di sesuatu tempat, maka janganlah kamu masuk. Dan sekiranya kamu sudah berada dalam kawasan (penularan wabak) tersebut, maka janganlah kamu keluar darinya." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa terdapat beberapa hikmah mengapa Rasulullah SAW menyarankan agar kawalan pergerakan ini dilaksanakan iaitu:

1. Menjauhi sebab-sebab yang boleh membinasakan manusia.
2. Mengutamakan kesihatan (kesejahteraan) yang mana ia adalah asas dalam kehidupan manusia.
3. Larangan menjauhi udara yang telah dicemari kerana dibimbangi akan menyebabkan lebih ramai yang sakit.

4. Menjarakkan diri dari orang yang telah terkena penyakit sekaligus menjadi langkah pencegahan dari penyebaran wabak.
5. Menyelamatkan diri dari kebergantungan kepada kepercayaan yang salah.

HADIS 9: MENJAUHI PENYAKIT BERJANGKIT

قال أَبُو هُرَيْرَةَ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَا عَدَوَى وَلَا طَيْرَةَ، وَلَا
هَامَةً وَلَا صَفَرَ، وَفِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ»

Maksudnya: Kata Abu Hurairah RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada ramalan buruk, tiada sial burung hantu dan tiada sial bulan Safar, dan larilah daripada pesakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Pada bahagian awal hadis ini Rasulullah SAW menjelaskan bahawa tiada jangkitan penyakit boleh berlaku melainkan atas kehendak Allah SWT. Manakala di penghujung hadis tersebut pula, Rasulullah SAW memberikan nasihat agar muslim mesti menjauhi mereka yang dijangkiti pesakit kusta sepertimana mereka melarikan diri dari singa. Ini sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan manusia daripada ditimpa penyakit. Namun sekiranya seorang muslim ditimpa penyakit, dia hendaklah meyakini bahawa hanya Allahlah yang memberikan penyakit dan penawarnya.

HADIS 10: TINDAKAN KUARANTIN BUAT MEREKA YANG DITIMPA SAKIT

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ: سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ، بَعْدَ يَقُولُ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «لَا
يُورَدَنَّ مُمْرَضٌ عَلَى مُصِحٍّ»

Maksudnya: Daripada Abi Salamah, bahawa dia mendengar Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Janganlah didatangkan yang sakit kepada yang sihat (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Hadis ini menjadi asas kepada pengasingan atau kuarantin orang yang sakit daripada orang yang sihat. Pada asasnya hadis ini merujuk kepada arahan mengasingkan binatang yang sakit daripada mendekati binatang yang sihat. Kata al-Imam Nawawi:

الْإِرْشَادُ إِلَى مَجَانِبَةِ مَا يَحْصُلُ الضَّرَرُ عِنْدَهُ فِي الْعَادَةِ بِفَعْلِ اللَّهِ وَقَدْرِهِ

"Hadis ini adalah petunjuk atau bimbingan dari Rasulullah SAW agar kita menjauhkan sesuatu yang boleh membawa kepada kemudaratan secara lazimnya dengan izin Allah dan kuasaNya.

HADIS 11: LARANGAN MEMBERIKAN MUDARAT KEPADA ORANG LAIN

عَنْ أَبِي صِرْمَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:
مَنْ ضَارَّ ضَارَّ اللَّهُ بِهِ، وَمَنْ شَاقَّ شَقَّ اللَّهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: Daripada Abi Sirmah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang memudaratkan orang lain, maka Allah akan mendedahkan mudarat padanya. Barangsiapa yang menyusahkan orang lain, Allah akan menyusahkan urusannya. Al-Imam al-Tirmizi menyatakan bahawa hadis ini bertaraf Hasan Gharib. (Jami' al-Tirmizi - Hadis Hasan)

Ulasan: Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa seorang muslim tidak seharusnya mendedahkan saudaranya kepada kemudarat. Barangsiapa yang memudaratkan atau menyusahkan orang lain, maka Allah boleh memberi kemudarat atau kesusahakan kepada diri mereka. Kata al-Imam al-San'ani:

من أوصل ضررًا إلى مسلم أو معاهد، بل أو أي حيوان محترم بغير حق. أنزل به الضرر
الشديد ، في الدنيا والآخرة ، أو في أحدهما

Barangsiapa yang menyebabkan seseorang itu terkena kemudaratan tidak kira samada (yang terkena mudarat itu) muslim atau kafir, bahkan haiwan sekalipun, maka Allah akan mengenakan buatnya kemudaratan yang lebih berat samada di dunia dan diakhirat atau salah satu daripadanya. (al-Tanwir Sharh Jam' al-Saghir)

HADIS 12: TAWAKAL YANG SALAH

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: كَانَ أَهْلُ الْيَمَنِ يَحْجُونَ وَلَا يَتَزَوَّدُونَ، وَيَقُولُونَ: نَحْنُ الْمُتَوَكِّلُونَ، فَإِذَا قَدِمُوا مَكَّةَ سَأَلُوا النَّاسَ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: {وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى} [البقرة: 197]

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA berkata: sesungguhnya ahli Yaman datang menunaikan haji dan mereka tidak membawa sebarang bekalan. Lalu mereka berkata: Kami adalah orang-orang yang bertawakkal. Kemudian apabila mereka tiba di Mekah, mereka meminta-minta daripada manusia di sana. Lalu Allah menurunkan ayat: "Dan sediakanlah bekalan maka sebaik-baik bekalan adalah taqwa. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Hadis di atas menunjukkan bagaimana Saidina Ibn Abbas RA menegur kumpulan ahli Yaman yang mendakwa diri mereka bertawakkal kepada Allah sedangkan mereka tidak berusaha. Dalam riwayat yang lain pula, Saidina Umar RA turut pernah menegur manusia seperti ini. Ia direkodkan melalui riwayat al-Imam al-Baihaqi yang menyebutkan:

لقي عمر بن الخطاب ناسًا من أهل اليمن، فقال: مَنْ أَنْتُمْ؟ قالوا: نحن المتوكلون، قال: "بل أَنْتُمْ الْمُتَوَكِّلُونَ، إِنَّمَا الْمُتَوَكِّلُ الَّذِي يُلْقِي حَبَّةَ فِي الْأَرْضِ، وَيَتَوَكَّلُ عَلَى اللَّهِ - عَزَّ وَجَلَّ."

"Saidina Umar RA telah berjumpa dengan gerombolan manusia yang datang dari Yaman (tanpa membawa sebarang bekalan). Lalu Umar RA bertanya kepada mereka: Siapakah kamu? Mereka menjawab: Kami adalah orang yang bertawakal. Umar RA membantah dengan berkata: Bahkan kamu ini adalah golongan yang lewa. Sesungguhnya orang yang bertawakal itu adalah mereka yang menaburkan benih di atas tanah, lalu mereka bertawakal kepada Allah. (Syu'ab al-Iman)

Ada di kalangan manusia yang tidak berusaha untuk mengelakkan diri dari ditimpa wabak penyakit, bahkan ada di antara mereka yang melanggar perintah kerajaan. Mereka kemudiannya mendakwa, "kami adalah orang yang bertawakal." Mereka sebenarnya telah melakukan kesalahan dalam bertawakal kerana seseorang itu seharusnya berusaha dahulu sebelum mengakui dirinya telah bertawakal kepada Allah.

HADIS 13: PRINSIP TAWAKAL YANG SEBENAR

عن أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، يَقُولُ: قَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ اعْقِلْهَا
وَأَتَوَكَّلْ، أَوْ أَطْلِقْهَا وَأَتَوَكَّلْ؟ قَالَ: اعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik RA berkata: Seorang lelaki datang berjumpa dengan Rasulullah SAW (dia membawa untanya bersamanya). Lalu lelaki ini bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, apakah perlu aku mengikat untaku ini dan bertawakal kepada Allah? Atau aku biarkan sahaja untaku ini dan bertawakal kepada Allah? Rasulullah SAW lantas menjawab: Ikatlah untamu itu dan bertawakal kepada Allah. (Jami' al-Tirmizi - Hadis Hasan)

Ulasan: Hadis ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW mendidik muslim agar berusaha menyelamatkan sesuatu terlebih dahulu sebelum bertawakal kepada Allah. Tidak mungkin seorang lelaki membiarkan untanya lalu dia mendakwa bertawakal kepada Allah sedangkan dia tidak menjaga untanya sebaiknya dahulu. Begitulah juga keadaan kita pada hari ini. Segala usaha untuk menghindari wabak mestilah dilaksanakan sebelum boleh kita mengaku bertawakal kepada Allah SWT.

HADIS 14: MEMBANTU MEMBERIKAN RAWATAN KEPADA PESAKIT

جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ: لَدَغَتْ رَجُلًا مِنَّا عَقْرَبٌ، وَنَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَقِي؟
قَالَ: «مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ»

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah RA menceritakan bahawa seorang lelaki telah disengat kalajengking, dan ketika itu kami sedang duduk bersama Rasulullah SAW. Seorang lelaki berkata kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, bolehkah aku jampikan. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa di kalangan kamu yang mampu memberikannya manfaat (menyembuhkan) saudaranya maka lakukanlah. (Sahih Muslim)

Ulasan: Hadis ini menggambarkan kepada kita bagaimana Rasulullah SAW menyarankan para sahabat RA yang mempunyai kemahiran tertentu untuk membantu menyembuhkan saudaranya yang ditimpa musibah atau penyakit. Muslim yang paling baik adalah mereka yang paling banyak memberikan manfaat buat saudaranya. Dengan sebab itu, kita dapati Rasulullah SAW akan sentiasa mendoakan mereka yang sakit agar segera sembuh. Ini adalah perkara yang paling mudah untuk kita lakukan. Bukan

dengan menyakiti mereka lagi dengan perlakuan atau kata-kata yang tidak elok. Kata Saidatina Aisyah:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ إِذَا أَتَى
مَرِيضًا أَوْ أُتِيَ بِهِ، قَالَ: «أَذْهَبِ الْبَاسَ رَبَّ النَّاسِ، اشْفِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ
إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا»

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW sekiranya Baginda menziarahi orang yang sakit, Baginda akan membaca doa buat mereka: "Hilangkanlah kesakitan ini, wahai Tuhan segala manusia, sembuhkanlah, sesungguhnya engkau adalah yang Maha Penyembuh, tiada penawar melainkan penawarMu, penawar yang sempurna yang tidak meninggalkan penyakit. (Sahih al-Bukhari)

HADIS 15: KESUSAHAN MENGHAPUSKAN DOSA MUSLIM

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، وَأَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ: مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ، وَلَا وَصَبٍ، وَلَا هَمٍّ، وَلَا حَزَنٍ، وَلَا
أَذًى، وَلَا غَمٍّ، حَتَّى الشَّوْكَةُ يُشَاكُهَا، إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ

Maksudnya: Daripada Abu Said al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seorang muslim yang ditimpa suatu kepenatan, atau penyakit, atau kebimbangan, atau kesedihan, atau kesakitan, atau gangguan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah akan menghapus kesalahan-kesalahannya (dengan kesusahan itu)." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Rasulullah SAW mendidik kita agar memahami bahawa setiap ujian yang dilalui oleh muslim adalah atas kehendak Allah. Mereka yang bersabar atas segala kesusahan ini akan dihapuskan dosa mereka dan diberikan ganjaran yang setimpal dengannya. Al-Imam al-Nawawi meletakkan hadis ini di dalam Bab Sabar bagi menekankan kepada kita akan kepentingan bersabar atas segala ujian yang menimpa. Ia bukan sahaja menyucikan kekotoran dosa seorang muslim, bahkan mengangkat kedudukan mereka. Ini kerana, mereka yang hebat akan diuji dengan ujian yang hebat. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ مِنْ أَشَدِّ النَّاسِ بَلَاءً الْأَنْبِيَاءَ ثُمَّ الَّذِينَ يُلَوِّهُمُ ثُمَّ الَّذِينَ يُلَوِّهُمُ ثُمَّ الَّذِينَ يُلَوِّهُمُ

Maksudnya: Sesungguhnya di antara orang yang paling besar ujian buat mereka adalah para nabi, kemudian orang-orang yang setelahnya (dibawah darjatnya), kemudian orang-orang yang setelahnya, kemudian orang-orang yang setelahnya." (Musnad Ahmad)

HADIS 16: PAHALA BUAT MEREKA YANG DITIMPA SAKIT

عن أبي موسى الأشعري قال، قال رسول الله ﷺ: إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ، أَوْ سَافَرَ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا.

Maksudnya: Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Sekiranya seorang hamba itu ditimpa sakit atau bermusafir, maka ditulis baginya pahala amalan seperti seorang yang sihat atau bermukim. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Hadis ini adalah khusus buat mereka yang ditimpa sakit dan tidak mampu untuk menunaikan amalan seperti biasa. Ini kerana mereka yang sakit atau bermusafir terkadang tidak berpeluang untuk menunaikan amalan yang telah biasa dia lakukan ketika sihat atau ketika dia bermukim. Lalu Rasulullah SAW menjelaskan, bahawa mereka yang terhalang dari melakukan ibadah, kerana dia sakit, maka Allah akan tetap memberikan baginya pahala seperti mana dia sedang sihat dahulu.

Orang yang beriman akan sentiasa rindu untuk melakukan ibadah sekalipun dalam keadaan sakit. Dengan sebab itu apabila Abdullah bin Mas'ud RA berada dalam keadaan sakit, beliau didapati menangis. Lalu mereka yang menziarahinya bertanya: Apakah engkau menangis kerana sakit ini? Abdullah bin Mas'ud RA menjelaskan:

إِنَّمَا أَبْكِي أَنَّهُ أَصَابَنِي عَلَى حَالِ فَتْرَةٍ

“Sesungguhnya aku menangis kerana aku ditimpa tempoh penggantungan (iaitu tempoh aku tidak dapat melakukan ibadah). (Kitab Mirqa al-Mafatih Sharh Mishka al-Masabih)

HADIS 17: GALAKAN MENGAMBIL RAWATAN

عن أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ، يَقُولُ: شَهِدْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَالْأَعْرَابُ يَسْأَلُونَهُ: قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَهَلْ عَلَيْنَا جُنَاحٌ أَنْ نَتَدَاوَى؟
فَقَالَ: «تَدَاوَوْا عِبَادَ اللَّهِ، فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً»

Maksudnya: Daripada Usamah bin Sharik RA, beliau berkata: Aku menyaksikan beberapa golongan Arab Badwi bertanya kepada Rasulullah SAW. Kata mereka: Wahai Rasulullah adakah berdosa sekiranya kami berubat (mengambil rawatan)? Maka Rasulullah SAW pun bersabda: Berubatlah wahai hamba Allah, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menurunkan satu penyakit melainkan disertakan padanya penawar (buat penyakit tersebut). (Sahih Ibn Hibban)

Ulasan: al-Imam al-San'ani menjelaskan bahawa hadis ini adalah satu petunjuk dari Rasulullah SAW tentang keharusan untuk berubat dan mencari penawar bagi penyakit. Bahkan adalah menjadi satu keperluan buat hamba untuk meneliti punca dan kesan (sabab dan musabbab) yang membawa kepada penyakit dan kesembuhan. Ia adalah asas yang penting sebelum seseorang itu bertawakal kepada Allah SWT. Kata al-San'ani:

فإن تركها عجز ينافي التوكل الذي حقيقته

“Maka meninggalkannya (meninggalkan dari meneliti punca dan kesan) adalah satu kelemahan yang menafikan (hakikat) bertawakal.”

Dr. Muhammad Diya al-A'zami pula menjelaskan:

دليل على إثبات العلاج ، وأن التداوي مباح وليس بواجب ، والإهمال فيه
مذموم ، إلا أصحاب العزائم كما جاء في الصحيحين

Hadis ini menjadi dalil kepada keperluan rawatan, dan proses pengubatan itu adalah harus dan tidaklah wajib, mengabaikannya pula adalah dikeji melainkan buat mereka yang mempunyai keazaman yang tinggi seperti yang disebutkan di dalam kitab Sahihan. (Sharh Sunan al-Sughra)

HADIS 18: KELONGGARAN DALAM URUSAN SOLAT BERJEMAAH

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّهُ قَالَ لِمُؤَذِّنِهِ فِي يَوْمٍ مَطِيرٍ: " إِذَا قُلْتَ:
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، فَلَا تَقُلْ: حَيَّ عَلَى
الصَّلَاةِ، قُلْ: صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ "، قَالَ: فَكَأَنَّ النَّاسَ اسْتَنْكَرُوا ذَلِكَ،
فَقَالَ: «أَتَعْجَبُونَ مِنْ ذَا، قَدْ فَعَلَ ذَا مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي، إِنَّ الْجُمُعَةَ
عَزْمَةٌ، وَإِنِّي كَرِهْتُ أَنْ أُخْرِجَكُمْ فَتَمْشُوا فِي الطِّينِ وَالِدَّخْصِ»

Maksudnya: "Daripada Abdullah bin Abbas RA sesungguhnya beliau pernah berkata kepada tukang azan pada hari hujan yang sangat lebat: Setelah engkau mengucapkan "Asyhadu An La Ilaha Illallah wa Asyhadu Anna Muhammadan Rasulullah," maka janganlah engkau sebutkan "Hayya 'Ala Solat" tetapi ucapkanlah "Solli Fi Buyutikum." Para pendengar ketika itu seakan terkejut dan membantah. Lalu Abdullah ibn Abbas RA berkata: Apakah kamu terkejut? Sesungguhnya perkara ini pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dariku (iaitu Rasulullah). Sesungguhnya solat Jumaat merupakan suatu kewajiban, dan aku tidak suka untuk menyusahkan kamu apabila terpaksa keluar berjalan dalam lumpur dan licin." (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Hadis ini menggambarkan bagaimana dalam keadaan yang mendesak (darurat), beberapa kelonggaran dalam urusan ibadah boleh dilaksanakan. Sebagai contoh, solat berjemaah boleh ditangguhkan beberapa ketika dan aktiviti masjid boleh dihentikan buat sementara waktu bagi mengawal perhimpunan orang ramai. Dalam situasi ini lafaz azan turut berubah. Lafaz "*Hayya 'Alas Solah*" (marilah menunaikan solat) digantikan dengan "*Sollu fi Buyutikum*" (solatlah kamu di rumah kamu).

Menurut Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Sheikh Ali al-Qaradaghi, dalam keadaan penularan wabak yang sangat kritikal seperti hari ini, umat Islam diberikan kelonggaran untuk menunaikan solat berjemaah di rumah sahaja. Ini bagi mengawal penularan penyakit dari lebih mudah tersebar ketika perhimpunan manusia di masjid berlaku.

HADIS 19: KERINGANAN DALAM MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ
مِنْ اتِّبَاعِهِ، عُذْرٌ»، قَالُوا: وَمَا الْعُذْرُ؟، قَالَ: «خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ، لَمْ تُقْبَلْ
مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang mendengar orang yang melaungkan azan dan tidak ada sebarang keuzuran yang menghalangnya (dari menunaikan solat berjemaah, maka hendaklah dia menunaikan solat secara berjemaah)". Para sahabat bertanya: "Apa keuzuran (yang dibenarkan wahai Rasulullah)?" Jawab Rasulullah SAW: "Ketakutan atau sakit." (Jika tiada kedua keuzuran ini) maka solatnya tidak diterima. (Sunan Abu Daud - Hadis Sahih)

Ulasan: Majlis Fatwa Mesir (Dar al-Ifta' al-Misriyyah) telah menjadikan hadis ini sebagai salah satu hujah untuk menjelaskan bahawa keuzuran seperti ketakutan (tentang sesuatu) serta sakit adalah dua kelonggaran yang dibenarkan untuk muslim menunaikan solat di rumah. Penularan penyakit pada hari ini dikategorikan sebagai satu kebimbangan dan ketakutan yang boleh meragut jutaan nyawa manusia.

Dalam perihal Solat Jumaat ini, al-Imam Ibn Qudamah menegaskan bahawa mereka yang bimbang akan keselamatan diri mereka diberikan keuzuran untuk tidak hadir masjid untuk menunaikan Solat Jumaat. Pandangan yang sama diungkapkan oleh al-Imam al-Mawardi yang menyebutkan bahawa: "Dan di antara perkara yang layak untuk mendapat keuzuran dari menunaikan Solat Jumaat adalah seseorang yang takut akan kemudaratannya yang menimpa kehidupannya, atau kemudaratannya kepada harta yang dijaganya."

Dengan itu, kesemua Jabatan Agama di Malaysia turut mengeluarkan arahan agar aktiviti yang menghimpunkan manusia di masjid hendaklah dihentikan termasuklah solat berjemaah dan solat Jumaat.

HADIS 20: KELONGGARAN DALAM KAEDAH MENUNAIKAN SOLAT

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنْ يُغَطِّيَ الرَّجُلُ فَاَهُ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW melarang daripada melabuhkan pakaian ketika solat dan melarang lelaki menutup mulutnya ketika solat. (Sunan Abu Daud - Hadis Hasan)

Ulasan: Hadis ini secara asasnya melarang seseorang itu dari menutup mulut mereka ketika menunaikan solat. Namun dalam keadaan pandemik, seseorang perlu menutup mulut mereka bagi mengelakkan daripada virus menjangkiti melalui ruang pernafasan dan mulut. Maka dalam situasi sebegini, solat sambil memakai topeng penutup muka adalah diharuskan. Ini kerana pemakaian topeng muka adalah sebagai salah satu mekanisme untuk mencegah daripada kemudaratan yang lebih besar berlaku.

Menurut al-Imam al-Nawawi dan al-Khatib al-Syarbini, larangan menutup muka ini adalah bersifat makruh sahaja. Kata al-Khatib al-Syarbini:

وَيَكْرَهُ أَنْ يُصَلِّيَ فِي ثَوْبٍ فِيهِ صُورَةٌ وَأَنْ يُصَلِّيَ الرَّجُلُ مَتَلَشِّمًا وَالْمَرْأَةُ مَتَتَقِبَةً

Maksudnya: Dan dimakruhkan bagi seseorang yang solat dengan memakai baju yang terdapat gambar padanya, juga makruh seorang lelaki solat dalam keadaan menutup mulut, dan (makruh juga) seorang perempuan yang solat dengan memakai niqab. (Al-Iqna', Al-Khatib al-Sharbini)

Justeru, dalam situasi yang mudarat seperti ini, seseorang pesakit, petugas kesihatan atau petugas keselamatan dibenarkan untuk memakai penutup muka ketika menunaikan solat.

HADIS 21: KERINGANAN MENUNAIKAN SOLAT SECARA JAMAK BUAT PETUGAS KESIHATAN

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، وَبَيْنَ
الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ، قَالَ: فَقِيلَ لِابْنِ
عَبَّاسٍ: مَا أَرَادَ بِذَلِكَ؟ قَالَ: أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أُمَّتَهُ.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA berkata: "Rasulullah SAW pernah menjamakkan solat di antara solat Zohor dengan Asar dan di antara solat Maghrib dengan Isyak di Madinah tanpa ada sebarang perkara yang menakutkan atau hujan (iaitu situasi yang sukar buat muslim menunaikan solat). Lalu Ibn Abbas RA ditanya: Apa tujuan Nabi SAW buat sedemikian? Ibnu Abbas RA menjawab: "Baginda tidak ingin menyusahkan umatnya." (Jami' al-Tirmizi - Hadis Sahih)

Ulasan: Bagi petugas barisan hadapan (kesihatan dan keselamatan) yang berjuang habis-habisan melawan wabak penyakit ini, maka terdapat beberapa kelonggaran yang diberikan kepada mereka. Antaranya adalah keharusan menjamakkan solat. Kelonggaran ini telah dipersetujui oleh Pusat Kajian Ilmu-ilmu Islam Universiti al-Azhar (Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah bi al-Azhar al-Syarif) yang melihat keharusan perlaksanaan jamak solat bagi petugas barisan hadapan yang menghadapi kesempitan

dalam mendapatkan senggang waktu untuk solat. Manakala di Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan serta Majlis Fatwa Negeri Perlis turut mewartakan keputusan ini.

Walaubagaimanapun, para petugas disarankan bersungguh-sungguh mencari masa atau *shift* kerja yang membolehkan mereka menunaikan solat seperti biasa. Namun sekiranya segala usaha mengalami kesukaran, barulah mereka dibenarkan untuk menunaikan solat jamak sebagai satu keringanan bagi mereka menjalankan tugas mereka yang mulia.

HADIS 22: SUAMI MEMBANTU KERJA RUMAH

عَنِ الْأَسْوَدِ، قَالَ: سَأَلْتُ عَائِشَةَ مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْنَعُ فِي بَيْتِهِ؟ قَالَتْ: «كَانَ يَكُونُ فِي مِهْنَةِ أَهْلِهِ - تَعْنِي خِدْمَةَ أَهْلِهِ - فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ»

Maksudnya: Daripada al-Aswad, aku bertanya Saidatina Aisyah RA tentang apakah yang dilakukan oleh Rasulullah di rumah? Lalu Aisyah RA menjawab: "Baginda melakukan kerja-kerja rumah ahli keluarganya – iaitu Baginda membantu kerja ahli keluarganya – dan apabila tibanya waktu solat, Baginda keluar menunaikan solat. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Dalam keadaan perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, sudah pasti banyak kerja rumah yang mesti dilakukan. Oleh yang demikian para suami digalakkan untuk membantu isteri mereka di rumah selaras dengan apa yang telah ditunjukkan oleh Baginda Nabi SAW sendiri. Dalam riwayat Ahmad ada menyebutkan:

عَنْ عَائِشَةَ، أَهْمَا سُئِلَتْ مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْمَلُ فِي بَيْتِهِ؟ قَالَتْ: "كَانَ يَخِيطُ ثَوْبَهُ، وَيَخْصِفُ نَعْلَهُ، وَيَعْمَلُ مَا يَعْمَلُ الرِّجَالُ فِي بُيُوتِهِمْ"

Daripada Aisyah RA, beliau ditanya tentang apakah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika berada di rumah. Aisyah RA menjawab: Sesungguhnya Baginda menjahit bajunya sendiri, memperbaiki seliparnya dan mengerjakan kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum lelaki di rumah mereka. (Musnad Ahmad)

HADIS 23: BERBUAT BAIK PADA KELUARGA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَكْمَلُ
الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا، وَخَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِمْ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Mukmin yang paling sempurna imannya adalah mereka yang memiliki akhlak yang paling baik. Dan orang yang paling baik di kalangan kamu adalah orang yang berbuat baik kepada kaum perempuan mereka (isteri-isteri mereka) (Jami' al-Tirmizi - Hadis Sahih)

Ulasan: Dalam situasi perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, para suami hendaklah turut membantu melaksanakan kerja-kerja rumah bahkan berinteraksi dengan baik kepada para isteri. Menurut Dr. Khaled al-Sabt, hadis ini secara jelas meminta orang beriman agar berlaku baik kepada isteri mereka. Pengkhususan kepada wanita ini barangkali kerana terdapat para suami yang mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isteri sehingga mengkasari atau menyakiti mereka. Dalam perkara ini, Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik.

HADIS 24: BERBUAT BAIK KEPADA JIRAN

عن أبي شريح الخزازي، أن رسول الله ﷺ قال: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ؛ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ؛ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا، أَوْ
لَيْسَ كُنْتُ

Maksudnya: Daripada Abu Syuraih al-Khuza'i RA sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya. Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia memuliakan tetamu. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah mengucapkan yang baik sahaja atau diam. (Sahih Muslim)

Ulasan: Dalam suasana pergerakan terhad, mungkin ada jiran kita yang berada dalam keadaan kesusahan. Hadis ini mengingatkan kepada kita agar sentiasa berlaku baik dengan jiran. Andai ada di kalangan warga sekeliling kita yang berada dalam kesusahan, maka hendaklah kita bantu mereka semampu yang mungkin.

HADIS 25: MEMBANTU SESAMA MUSLIM

عن عبد الله بن عمر قال، قال رسول الله ﷺ: مَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ؛ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ؛ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa (yang memenuhi) keperluan saudaranya, maka Allah akan bersamanya (membantu) keperluan dirinya, barangsiapa yang melapangkan urusan kesusahan seorang muslim, maka Allah akan melapangkan kesusahan daripada kesusahannya di akhirat kelak. Barangsiapa yang menutup aib saudaranya, maka Allah akan menutup aibnya di akhirat kelak. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Sekatan serta kawalan pergerakan telah banyak menyekat beberapa saudara muslim daripada keluar berniaga. Ini menyebabkan pendapatan harian mereka terjejas. Justeru, sebagai saudara sesama muslim, adalah menjadi kewajipan kita membantu saudara muslim kita yang ditimpa kesusahan. Bantulah mereka dengan memberikan sumbangan kepada yang memerlukan.

HADIS 26: KEUTAMAAN BERSEDEKAH

عن عائشة قالت في خطبة النبي بعد صلاة الخسوف: قَالَ النَّبِيُّ : «إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُ ذَلِكَ، فَادْعُوا اللَّهَ، وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا»

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, beliau menceritakan tentang khutbah Nabi SAW setelah selesai Baginda menunaikan solat gerhana. Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya matahari dan bulan adalah bukti kebesaran Allah. Tidaklah berlaku sesuatu gerhana itu disebabkan oleh kematian seseorang maupun disebabkan kelahiran seseorang. Apabila kamu menyaksikan gerhana maka hendaklah kamu berdoa kepada Allah, bertakbir kepadaNya, menunaikan solat dan bersedekah. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Rasulullah memberikan panduan tentang apa yang perlu dilakukan ketika berlakunya gerhana atau sesuatu yang dibimbangi oleh manusia. Kata Ibn Daqiq al-Aid:

وفي الحديث دليل على استحباب الصدقة عند المخاوف لاستدفاع البلاء المحذور

Dan di dalam hadis ini terdapat dalil tentang keharusan bersedekah ketika manusia ditimpa kebimbangan dan ketakutan. Ia bagi mempertahankan daripada ditimpa bala yang dibimbangi. (Ihkam al-Ihkam)

Berkata Sheikhul Islam:

الدعاء سبب يدفع البلاء، فإذا كان أقوى منه دفعه، وإذا كان سبب البلاء
أقوى لم يدفعه لكن يخففه ويضعفه، ولهذا أمر عند الكسوف والآيات
بالصلاة والدعاء والاستغفار والصدقة

Sesungguhnya doa itu adalah penyebab kepada tertolaknya bala. Sekiranya doa kita lebih kuat maka ia berupaya menolak bala. Namun andainya sebab bala itu lebih kuat, maka doa tidak mampu menolaknya sebaliknya ia meringankan bala. Atas dasar itu Rasulullah SAW memerintahkan muslim agar menunaikan solat, berdoa, beristighfar dan bersedekah ketika berlaku gerhana atau insiden yang membimbangkan. (Majmu' Fatawa)

HADIS 27: LARANGAN MENYEBARKAN BERITA PALSU

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "رَأَيْتُ اللَّيْلَةَ رَجُلَيْنِ أَتَيَانِي، قَالَا: الَّذِي رَأَيْتَهُ يُشَقُّ شِدْقُهُ فَكَذَّابٌ، يَكْذِبُ بِالْكَذْبَةِ تُحْمَلُ عَنْهُ حَتَّى تَبْلُغَ الْآفَاقَ، فَيُصْنَعُ بِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ"

Maksudnya: Daripada Samurah bin Jundub RA, berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku melihat dalam mimpiku dua orang menghampiriku. Mereka berkata: 'Orang yang engkau lihat merobek-robek mulutnya, maka dia adalah seorang pendusta yang sentiasa berdusta hingga di bawanya sampai ke ufuk. Dan dia selalu seperti itu hingga hari kiamat.'" (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Pada musim tersebarunya wabak penyakit ini, ada di kalangan kita yang menyebarkan berita palsu dengan tujuannya yang tersendiri. Maka hadis ini amat sesuai untuk dijadikan peringatan buat kita bahawa mereka yang sering berdusta, bahkan menyebarkan berita palsu hingga ke seluruh pelusuk dunia ini, maka Allah akan mengenakan dia hukuman yang berat seperti yang digambarkan oleh hadis. Bahkan seorang muslim itu tidak sewajarnya menyebarkan berita yang dia tidak pasti. Mereka yang

menyebarkan berita yang tidak pasti ini turut menyumbang dalam rangkaian berita penipuan. Atas dasar itu Rasulullah SAW mengingatkan:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

“Memadailah seorang lelaki itu digelar sebagai pendusta apabila dia mencerita semua yang dia dengar.” (Sahih Muslim) Dengan sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab muslim untuk tidak semudahnya berkongsi berita yang tidak pasti dalam media sosial.

HADIS 28: LARANGAN MENAFSIRKAN NAS AL-QURAN SECARA SALAH

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَالَ فِي
الْقُرْآنِ بَغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang berkata sesuatu mengenai al-Quran tanpa sebarang ilmu, maka dia telah menempah tempat buat dirinya di dalam neraka. (Jami' al-Tirmiz - dinilai Hasan oleh al-Tirmizi)

Ulasan: Ketika berlakunya wabak virus Corona ini, ada di kalangan muslim yang menyatakan bahawa virus Corona ini telah disebutkan di dalam al-Quran. Mereka menggunakan petikan ayat 33 dari Surah al-Ahzab yang menyebutkan (وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ) adalah petanda virus Corona telah disebutkan oleh Allah di dalam al-Quran. Ini kerana sebutan "Waqarna" itu mirip dengan perkataan Corona.

Penafsiran sebegini adalah satu kesilapan yang nyata. Ini kerana, konteks penurunan ayat ini bukanlah tentang virus tetapi ia merujuk kepada isu berkaitan para isteri Nabi SAW. Menurut 'Ikrimah (seorang pakar tafsir dikalangan Tabi'in yang juga anak murid kepada Ibn Abbas RA), bahawa ayat ini diturunkan merujuk kepada para isteri Nabi SAW. Kata Ikrimah:

أُنْهَازَلَتْ فِى شَأْنِ نِسَاءِ النَّبِىِّ ﷺ؛ فَهِنَّ سَبَبُ النُّزُولِ دُونَ غَيْرِهِنَّ

“Sesungguhnya ayat ini diturunkan berkenaan para isteri Nabi SAW dan merekalah yang menjadi sebab ayat ini diturunkan.”

Atas dasar itu Rasulullah SAW memberikan larangan yang tegas kepada umatnya agar tidak sewenang-wenang memberikan penafsiran terhadap al-Quran dengan pandangannya sendiri. Mereka yang berbuat demikian akan dikenakan hukuman yang keras kerana telah melakukan penyelewengan maksud terhadap ayat al-Quran.

HADIS 29: KESUSAHAN MENGAJAK KITA BERMUHASABAH

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ، إِذَا رَأَى مَحِيلَةً فِي
السَّمَاءِ، أَقْبَلَ وَأَذْبَرَ، وَدَخَلَ وَخَرَجَ، وَتَغَيَّرَ وَجْهُهُ، فَإِذَا أَمْطَرَتْ
السَّمَاءُ سُرِّيَ عَنْهُ، فَعَرَفْتُهُ عَائِشَةُ ذَلِكَ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «مَا أَذْرِي
لَعَلَّهُ كَمَا قَالَ قَوْمٌ»: {فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُسْتَقْبِلَ أَوْدِيَّتِهِمْ}

[الأحقاف: 24]

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW itu apabila melihat awan mendung di langit, Baginda mundar-mandir, keluar masuk, dan air mukanya berubah gelisah, namun ketika hujan turun maka Baginda menjadi lega. Lalu 'Aisyah RA pun bertanya tentang hal itu, maka Nabi SAW bersabda: Aku tidak tahu, jangan-jangan awan itu adalah seperti yang diucapkan oleh suatu kaum. "Ini awan yang akan memberi hujan (sedangkan ia adalah azab buat mereka). (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Perhatikan hadith ini bagaimana Rasulullah SAW menjadikan elemen serta fenomena yang berlaku disekelilingnya sebagai titik dan ruang untuk bermuhasabah. Mengingatkan dirinya akan dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia. Kata al-Imam al-Nawawi:

فيه الاستعداد بالمراقبة لله والالتجاء إليه عند اختلاف الأحوال وحدث ما يخاف بسببه
وكان خوفه صلى الله عليه وسلم أن يعاقبوا بعصيان العصاة

“Hadith ini mengandung anjuran untuk sentiasa merasa diawasi oleh Allah dan berlindung padaNya ketika berlakunya perubahan keadaan dan atau terzahir penyebab kepada sesuatu yang ditakutkan. Rasulullah SAW merasa bimbang kerana takut umat Baginda akan diazab dengan sebab maksiat dan kerosakan yang dilakukan oleh para pelaku maksiat.

Benarlah kata-kata Ibn al-Qayyim yang menyebutkan: “Maka Allah menguji hambaNya untuk mendengar tunduk dan patuhnya hamba itu kepada Tuhannya, agar mereka berdoa dan mengadu kepada Allah.” Begitulah situasi kita pada hari ini, Allah menurunkan ujian wabak agar kita kembali kepadanya. Ini adalah satu titik penting dalam kehidupan kita agar kita bermuhasabah.

HADIS 30: MENTAATI PERINTAH PEMIMPIN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «عَلَيْكَ السَّمْعَ وَالطَّاعَةَ فِي
عُسْرِكَ وَيُسْرِكَ، وَمَنْشَطِكَ وَمَكْرَهِكَ، وَأَثَرَةٍ عَلَيْكَ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kamu mendengar dan mentaati (perintah pemimpin) dalam keadaan susah atau senang, dalam keadaan kamu rela menerima perintah itu ataupun dalam keadaan kamu membencinya dan juga dalam hal yang mengalahkan kepentingan dirimu sendiri." (Sahih Muslim)

Ulasan: Dalam keadaan tersebarnya wabak penyakit, pemimpin negara telah mengeluarkan arahan dan garis panduan yang mesti dipatuhi agar kita bersama berjaya mengawal penularan wabak penyakit. Dalam perkara ini, setiap rakyat wajib mentaati perintah tersebut. Ini kerana arahan tersebut adalah demi kebaikan rakyat dan juga bukanlah menjurus kepada maksiat.

HADIS 31: MENYERAHKAN URUSAN KEPADA YANG PAKAR

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ، فَقَالَ: «لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ»
قَالَ: فَخَرَجَ شَيْصًا، فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ: «مَا لِنَخْلِكُمْ؟» قَالُوا: قُلْتَ كَذًا
وَكَذًا، قَالَ: «أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ»

Maksudnya: Daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW berjalan berdekatan dengan satu kumpulan manusia yang sedang mengahwinkan (mendebungkan) pokok lalu Baginda bersabda: "Kalaulah kamu tidak melakukannya, tentu akan baik. Kemudian perawi berkata: Lalu keluarlah buah yang kemek (buah yang tidak menjadi). Baginda SAW kemudiannya lalu berdekatan dengan mereka sambil bertanya: "Apakah yang terjadi kepada pokok tamar kamu? Mereka berkata: Tuan telah menyebutkan dahulu sekian-sekian (iaitu Rasulullah SAW melarang proses pendebungan sebelum ini)." Baginda menjawab: "Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu." (Sahih Muslim)

Ulasan: Hadis ini menjelaskan bahawa setiap bidang itu terdapat orang yang mempunyai kepakaran di dalamnya. Dalam bidang pertanian, ada orang yang lebih mahir tentang perkara itu daripada Rasulullah SAW, lalu Rasulullah SAW berkata:

Kamu lebih mengetahui dalam urusan dunia kamu. Dalam situasi penyebaran wabak, maka orang yang lebih memahami tentang perkara ini adalah petugas bidang kesihatan. Mereka telah lama berkecimpung dalam bidang perubatan dan merawat pesakit. Maka seharusnya kita mendengar nasihat mereka. Bukannya nasihat daripada doktor pakar jadian yang menulis pelbagai teori di dalam Facebook maupun Whatsapp atau segala media sosial yang lain.

HADIS 32: MENJAUHI DOKTOR JADIAN

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ تَطَبَّبَ وَلَمْ يُعْلَمْ مِنْهُ طِبٌّ قَبْلَ ذَلِكَ فَهُوَ
ضَامِنٌ»

Maksudnya: Daripada Amru bin Syu'aib, daripada ayahnya, daripada datuknya RA, bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang mengubati sedangkan dia tidak mengetahui daripadanya tentang ilmu perubatan sebelum itu, maka dia hendaklah dianggap sebagai orang yang dipertanggungjawabkan (atas segala kesan perubatan tersebut). (Sunan al-Nasa'i - Hadis Hasan)

Ulasan: Sheikh al-Sa'di menjelaskan bahawa hadis ini menuntut setiap muslim supaya memiliki kemahiran yang mencukupi dalam perkara yang dia lakukan, tidak kiralah dalam bidang perubatan atau bidang yang lain. Sekiranya dia tidak menguasai sesuatu bidang tersebut, dan menawarkan perkhidmatan sedangkan dia tidak mempunyai pengetahuan tentangnya, maka dia boleh terdedah kepada dosa (Bahjah Qulub al-Abrar). Ini kerana Rasulullah SAW melarang seorang muslim daripada membohongi orang lain. Sabda Rasulullah SAW:

وَمَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

"Barangsiapa yang menipu kami, maka dia bukan sebahagian dari kami (Sahih Muslim).

Dengan itu, dalam musim penularan wabak ini, tidak seharusnya bagi seorang muslim menawarkan petua-petua, atau ubat-ubatan yang tidak diuji secara klinikal. Malah tidak boleh muslim menjadi doktor jadian sedangkan dia tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perubatan. Sewajibnya perkara kesihatan ini diserahkan kepada mereka yang pakar dalam bidang ini.

HADIS 33: LARANGAN MENYOROKKAN BARANG DAGANGAN

عَنْ مَعْمَرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ ، قَالَ:
«لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِيٌّ»

Maksudnya: Daripada Ma'mar bin Abdullah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda: Tidaklah seseorang itu menimbunkan (menyorokkan) barangan melainkan dia telah melakukan kesalahan (berdosa). (Sahih Muslim)

Ulasan: Di dalam hadis ini Rasulullah SAW melarang umatnya daripada menyorokkan atau menyembunyikan barang dagangan di saat manusia memerlukan. Tindakan mereka ini dilihat semata-mata demi kepentingan sendiri bahkan menganiya pihak yang lain. Dalam sebuah hadis yang lain pula Rasulullah SAW memberikan amaran:

مَنْ احْتَكَرَ حُكْرَةً، يُرِيدُ أَنْ يُغْلِيَهَا عَلَى الْمُسْلِمِينَ، فَهُوَ خَاطِيٌّ

"Barangsiapa yang menyembuyikan barangan dengan tujuan meninggikan harga barang tersebut ke atas kaum muslimin, maka dia adalah bersalah (berdosa). (Musnad Ahmad)

Menurut al-Imam al-Nawawi, perkataan (خَاطِيٌّ) disini bukan sekadar bermaksud bersalah bahkan berdosa. Ini kerana mereka telah menzalimi yang lain.

Dalam musim penularan wabak ini, dibimbangi ada peniaga yang menyembuyikan bekalan makanan bagi tujuan menaikkan harga barang. Perbuatan sebegini dilarang dalam Islam bahkan berdosa bagi mereka yang melakukannya.

HADIS 34: MENGHIDUPKAN RUMAH DENGAN AKTIVITI SOLAT JEMAAH

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
«اجْعَلُوا فِي بُيُوتِكُمْ مِنْ صَلَاتِكُمْ وَلَا تَتَّخِذُوهَا قُبُورًا»

Maksudnya: Daripada Ibn Umar RA, daripada Nabi SAW: Hidupkanlah rumah-rumah kamu dengan solat kamu. Dan janganlah jadikan rumah kamu seperti kubur. (Sahih al-Bukhari)

Ulasan: Ketika musim penularan wabak ini, hampir kesemua masjid telah mula ditutup bagi mengelakkan penyebaran wabak. Inilah waktunya kita menghidupkan rumah kita dengan solat berjemaah. Janganlah jadikan rumah kita sunyi seperti kubur. Hidupkan rumah dengan bacaan al-Quran serta dirikan solat berjemaah.

Malah dalam tempoh ketika ditimpa kesusahan inilah, masa yang sesuai untuk kita mendidik anak-anak agar mendirikan solat dan berdoa agar Allah SWT mengangkat musibah ini dari menimpa kita. Al-Imam al-Zamakhshari merekodkan kisah Bakar ibn Abdullah al-Muzani, seorang Tabi'i yang soleh yang mengarahkan ahli keluarganya mendirikan solat. Kata al-Zamakhshari:

بكر بن عبدالله المزني – رحمه الله تعالى – إذا أصاب أهله خصاصة قال : قوموا فصلوا, ثم
يقول: بهذا أمر الله تعالى ورسوله

“Sesungguhnya Bakr ibn Abdillah al-Muzani, sekiranya beliau ditimpa kesusahahan, maka dia akan meminta ahli keluarganya mendirikan solat lalu berkata: Dirikanlah solat, kerana beginilah yang diperintahkan oleh Allah Taala dan RasulNya.”

HADIS 35: SEKIRANYA KITA JAGA HAK ALLAH, ALLAH JAGA HAK KITA

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ يَوْمًا، فَقَالَ: يَا غُلَامُ
إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ تَحِذْهُ تُجَاهَكَ، إِذَا
سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ
اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ
لَكَ، وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ
اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas RA berkata: "Suatu hari saya berada di belakang Rasulullah SAW. Baginda bersabda: "Wahai anak, aku ajarkan kepadamu beberapa untai kalimah: Jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu. Jagalah Allah, nescaya kau dapati Dia di hadapanmu. Jika engkau hendak meminta sesuatu, maka mintalah kepada Allah, dan jika engkau hendak memohon pertolongan, mohonlah dari Allah. Ketahuilah, seandainya seluruh umat berkumpul untuk memberimu suatu keuntungan, maka engkau tidak akan memperolehnya melainkan apa yang telah dtentukan oleh Allah untukmu. Dan seandainya mereka bersatu untuk melakukan sesuatu yang memudaratkan kamu, maka ia tidak akan boleh memudaratkan kamu melainkan apa yang telah Allah tetapkan untuk dirimu. Pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering." (Jami' al-Tirzmi - Hadis Sahih)

HADIS 36: KEMBALI KEPADA ALLAH

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ،
وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا، وَمَنْ سَخِطَ
فَلَهُ السَّخَطُ.

Maksudnya: Daripada Anas RA, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya besarnya ganjaran pahala seseorang itu datang bersama besarnya ujian bala terhadapnya. Dan Sesungguhnya sekiranya Allah menyayangi seseorang kaum, maka Dia akan menimpakan kaum itu dengan ujian. Andainya mereka reda dengan ujian tersebut, maka dia akan mendapat keredaan Allah. Namun sekiranya dia marah dengan ujian bala tersebut, maka dia akan ditimpa kemarahan dari Tuhan. (Jami' al-Tirmizi - dinilai Hasan oleh al-Tirmizi)

Ulasan: Dalam al-Quran, Allah SWT mendidik Muslim agar menjadikan sesuatu musibah yang berlaku itu sebagai ruang untuk kembali kepada Allah. Mereka seharusnya melihat bala ini sebagai suatu ujian yang menunjukkan Allah SWT sayang kepadanya. Firman Allah:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَآخَذْنَاهُمْ بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ *
فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا وَلَكِنْ قَسَتْ قُلُوبُهُمْ

“Dan demi sesungguhnya Kami telah utuskan Rasul kepada umat yang dahulu, maka Kami uji mereka dengan kebuluran dan penyakit, supaya mereka berdoa (kepada Kami) dengan merendahkan diri (serta insaf dan bertaubat). Maka alangkah baiknya andai mereka berdoa kepada Kami dengan merendahkan diri (serta insaf dan bertaubat) ketika mereka ditimpa azab Kami? Tetapi yang sebenarnya hati mereka keras.” (al-An’am:42)

Perhatikan bagaimana Allah SWT menguji kaum terdahulu dengan kesusahan dan penyakit agar mereka kembali kepada Allah SWT. Bahkan dalam hadis di atas, Rasulullah SAW turut menjelaskan andai sekiranya Allah menyayangi sesuatu kaum, maka Dia akan menguji kaum tersebut. Ini adalah masa buat kita untuk kembali kepada Allah SWT.

HADIS 37: ZIKIR MENGELAKKAN BALA

عن أَبَانَ بْنِ عُثْمَانَ، يَقُولُ: سَمِعْتُ عُثْمَانَ يَعْنِي ابْنَ عَقَّانَ، يَقُولُ سَمِعْتُ
رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ،
فِي الْأَرْضِ، وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ
فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ
فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ

Maksudnya: Daripada Aban bin Usman dia berkata sesungguhnya aku mendengar Saidina Usman RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barang siapa yang membaca:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ، فِي الْأَرْضِ، وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

sebanyak tiga kali (pada waktu petang/malam), maka dia tidak akan ditimpa sebarang bala secara mengejut, sehinggalah ke waktu pagi. Dan barangsiapa yang membacakan zikir ini pada waktu pagi, maka dia tidak akan ditimpa sebarang bala secara mengejut sehinggalah petang. (Sunan Abu Daud - dinilai Hasan oleh Syu'aib al-Arna'ut)

Ulasan: Ini adalah satu zikir yang mesti diamalkan oleh setiap muslim pada setiap masa. Menurut al-Imam al-Qurtubi, semenjak dia mendengar hadis ini, dia tidak pernah meninggalkan bacaan zikir ini dan tidak ada sesuatu

yang menyimpannya. Sehingga pada satu hari dia lupa membacanya lalu dia disengat kalajengking di Madinah. (Ibn Allan, al-Futuh al-Rabbaniyyah) Namun, setiap muslim mestilah meyakini bahawa tidak ada sesuatu pun yang menyimpannya melainkan atas kehendak Allah SWT.

HADIS 38: DOA MEMOHON PERLINDUNGAN DARI WABAK PENYAKIT

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ،
وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ»

Maksudnya: Daripada Anas RA, sesungguhnya Nabi SAW berdoa: Ya Allah aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk." (Sunan Abu Daud - dinilai Sahih oleh Syu'aib al-Arnaut)

Ulasan: Menurut al-Imam al-Tayyibi, dalam doa ini Rasulullah SAW menyebutkan tiga penyakit secara spesifik, kemudian barulah Rasulullah SAW menyebutkan penyakit lain secara umum sahaja. Ini kerana ketiga-tiga penyakit tersebut memberikan kesan yang langsung kepada tubuh manusia sehingga menyebabkan orang lain akan menjauhi mereka yang terkena penyakit ini. ('Aun al-Ma'bud) Begitulah keadaannya pada hari ini, mereka yang terkena penyakit berjangkit akan menyebabkan manusia lari daripada mereka. Justeru, adalah menjadi satu keperluan buat setiap muslim untuk mengamalkan doa ini.

HADIS 39: DOA MENGHINDARKAN DIRI DARI KEMUDARATAN

عن خولة بنت حكيم أن النبي ﷺ قال: مَنْ نَزَلَ مَنْزِلًا ثُمَّ
قَالَ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لَمْ يَضُرَّهُ
شَيْءٌ حَتَّى يَرْتَحِلَ مِنْ مَنْزِلِهِ ذَلِكَ

Maksudnya: daripada Khaulah binti Hakim RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang mendatangi sesuatu tempat lalu dia mengucapkan:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

maka dia tidak akan ditimpa segala kemudaratannya sehinggalah dia beredar dari tempat tersebut. (Sahih Muslim)

Ulasan: Dalam keadaan tersebarnya wabak ke seluruh pelusuk dunia, maka doa ini adalah sebaik-baik doa yang perlu dibaca oleh muslim sekiranya dia pergi ke tempat yang baharu atau ke tempat dia bermusafir. Mudah-mudahan Allah menyelamatkan dirinya dari sebarang kemudaratannya.

HADIS 40: DOA MEMOHON KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN

عن ابنِ عُمَرَ، يَقُولُ: لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَدْعُ هَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ،
حِينَ يُمَسِّي، وَحِينَ يُصْبِحُ: «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي
وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي»

Maksudnya: Daripada Ibn Umar RA berkata: Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan doa-doa ini setiap pagi dan petang, iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي
وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي

“Wahai Tuhanku, aku memohon darimu keselamatan di dunia dan akhirat. Wahai Tuhanku aku memohon darimu keampunan dan kesejahteraan pada urusan agamaku dan urusan duniaku, (kurniakanlah kesejahteraan) buat ahli keluargaku dan hartaku. Wahai Tuhanku tutuplah auratku.” (Sunan Abu Daud - dinilai Sahih oleh Syu’aib al-Arna’ut)



وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ



RUJUKAN

Abū Dāwūd, al-Sijistānī. 2009. Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Arnaūūt. n.p. Dār al-Risāla al-ʿIlmiyya.

Aḥmad, Maḥdī Rizqullah. 1992. *al-Sīra Al-Nabawīyya Fī Masādirihī Al-Asliyyah: Dirāsah Tahlīliyah*. Riyāḍ.

Al-ʿAinī. [t.t.] *ʿUmda al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukḥārī*. Bayrūt: Dār Iḥyāʾ al-Turath al-ʿArabī.

Al-Asbahānī. Abū Nuʿaym Aḥmad ibn Abdillāh. 1986. *Dalāʾil al-Nubuwwa*. ed. Muḥammad Rawwās. Bayrūt: Dār al-Nafāʾis.

Al-Bayhaqī, Aḥmad ibn al-Husayn. 2003. *Al-Jāmiʿ Li Syuʿab al-Imān*. ed. Mukhtār Aḥmad al-Nadwī. Maktabah al-Rusyd Nāsīrūn.

Al-Bukḥārī, Muḥammad ibn Ismāʿīl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah. 1987. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukḥārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.

_____. 1422H. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukḥārī*, ed. Muḥammad al-Nāṣir. Dār Ṭuq al-Naja.

Al-Dhahabī, Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn ʿUthmān. 1985. *Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ*, ed. Shuʿayb al-Arnaʿūṭ. Muassasa al-Risala.

_____. 2002. *Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ*. al-Qāhira: Dār al-Ḥadīth.

_____. 2003. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-Aʿlām*. Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Naisābūrī, Muslim ibn Hajjaj. n.d. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.

Al-Naisābūrī, Abu al-Hassan Ali Ibn Ahmad al-Wahidi al-Nisaburi. 2004. *Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nasā'ī. 2001. *Sunan al-Nasā'ī al-Kubrā*, ed. al-Arna'ūṭ. Bayrūt: Mu'assasa al-Risāla.

Al-Shaybānī, Abū 'Abdillāh, Aḥmad ibn Ḥanbal. 2001. *Musnad*. Ed. al-Arna'ūt. Mu'assasa al-Risāla.

Al-Tirmizī, Abū 'Isā, Muḥammad ibn 'Isā. 1998. *al-Jāmi' al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al- Wāqidī. Muhammad ibn Umar. 1989. *al-Maghāzī*. Bayrūt: Dār al-A'lamī.

Al-Hanbali, Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din. 2008. Jami 'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadisan Min Jawami' al-Kalim. Dar Ibn Kathir.

Azmi, A.S. and Ismail, M.Y., 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, 3(1), p.2.

Ibn Ḥibbān. 1417H. *al-Sīra al-Nabawiyya wa Akhbār al-Khulafā'*. Bayrūt: al-Kutub al-Thaqafiyya.

Ibn Hisham. 1955. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Mustafā al-Saqā. Maṭba'ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh.

Ibn Ishāq, Muḥammad. 2004. *al-Sīrah al-Nabawiyya li Ibn Ishāq*, ed. al-Mazidī. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ibn al-Jawzī. Abū al-Farj 'Abd al-Rahmān ibn 'Alī. 1422H. *Zād al-masīr fi 'ilm al-Tafsīr*. Bayrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī.

Ibn Majh. Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. [n.d.] *Sunan Ibn Majh*. Dār Ihya al-Kutub al-‘Arabiyya.

Ibn Rajb, al-Hanbali, ‘Abd Al-Rahmān Ibn Ahmad. 1989. *Latā’if al-Ma’ārif fīma Li Mawāsim al-‘Ām Min al-Waḏāif*. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

BIODATA PENULIS



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidiah dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Beliau kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat

PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai *Academic Visitor (fellowship)* ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA.



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidah dan Kolej Islam Sultan Alan Shah (KISAS). Kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai Academic Visitor (fellowship) ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA

